

29/08/2000

Olimpik 2008: KL tidak kecewa

KUALA LUMPUR tidak kecewa dengan keputusan Majlis Olimpik Antarabangsa (IOC) mengetepikannya bersama empat bandar raya lain daripada senarai tuan rumah Sukan Olimpik 2008, kata Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Katanya, ini kerana tumpuan utama Malaysia sekarang adalah untuk menjadi penganjur Sukan Asia pada 2006.

"Namun, saya tidak tahu sebab-sebab penolakan itu. Begitu pun saya akan mendapat butir lanjut mengenai perkara ini untuk dibentangkan di mesyuarat Kabinet Rabu ini," katanya ketika ditemui selepas pelancaran acara Kemuncak Hari Wanita 2000 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu negara malam tadi.

(END)